



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

10 APRIL 2021 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGOLNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

10 APRIL 2021 (SABTU)

Penguat kuasa pantau SOP di bazar Ramadan

KPDNHEP turut letak kenderaan permudahkan pengguna buat aduan

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meletakkan pegawai penguat kuasa dan kenderaan kementerian di bazar Ramadan bagi memudahkan pengguna membuat aduan jika terdapat peniaga melakukan pencatutan.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata langkah itu juga bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) norma baharu diikuti semua pihak bagi mengelak bazar Ramadan menjadi pencetus kluster baharu COVID-19.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, pihaknya akan melakukan libat urus dengan pihak ber-

kuasa tempatan (PBT) bagi membincangkan pelaksanaan perkara itu pada sepanjang Ramadan.

"Bagi menghadapi Ramadan, kementerian melakukan libat urus dengan PBT termasuk menyediakan kenderaan kementerian di bazar Ramadan bagi memudahkan pengguna membuat aduan jika terdapat peniaga melakukan pencatutan.

"Kali ini operasi Bazar Ramadan dilakukan mengikut SOP norma baharu dan semua pihak perlu mematuhi seperti pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal kerana kita tidak mahu bazar Ramadan menjadi pencetus kluster baharu COVID-19," katanya berucap merasmikan Program Jualan Malaysia (PJM) 2021 sempena Jom Shopping Raya di Pusat Tekstil Jakel, di sini, semalam.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan bazar Ramadan seluruh negara tahun ini dibenarkan beroperasi mengikut SOP ketat yang ditetapkan PBT di negeri masing-masing.

Mengulas pematuhan SOP oleh sektor peruncitan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan

COVID-19, Alexander berkata, ia mencapai tahap 94 peratus dan disifatkan agak membanggakan.

Sementara itu, Alexander berkata, PJM 2021 edisi kedua tahun ini menasaskan nilai jualan sektor runcit RM120 bilion dan sasaran itu realistik berdasarkan kejayaan PJM 2020 mencatatkan nilai jualan RM135.9 bilion melebihi sasaran RM100 bilion.

"PJM kali ini fokus pemulihan sektor peruncitan negara yang terjejas akibat COVID-19.

"Edisi kedua ini memberi fokus segmen perayaan terbesar di Malaysia iaitu hari raya, Pesta Gawai dan Keamatan, Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Deepavali serta Krismas," katanya.

Beliau berkata, bilangan permohonan notis jualan murah tahun lalu juga mencatat peningkatan iaitu 15,831 berbanding 8,329 pada 2019 dan bilangan premis melaksanakan jualan murah pada 2020 turut meningkat sebanyak 326,395 premis berbanding 108,392 premis pada 2019.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 196,879 premis melaksanakan jualan murah sepanjang tempoh PJM," katanya.

Di Bandar Muazam Shah, be-

liau yang melancarkan Program Food Bank Siswa Ke-27 di Politeknik Muadzam Shah (PMS) semalam, berkata 17,954 pelajar seluruh negara menerima sumbangan bantuan Program Food Bank Siswa sepanjang pengajian mereka.

Katanya, inisiatif Food Bank Siswa diwujudkan bertujuan menyalurkan bantuan makanan serta keperluan harian kepada pelajar yang memerlukan dan pada masa sama membantu meringankan beban sara hidup mereka, digerakkan Sekretariat Food Bank Malaysia KPDNHEP.

"Food Bank Siswa juga platform membentuk semangat serta budaya sukarelawan dalam kalangan pelajar selain menerapkan nilai sifar pembaziran.

"KPDNHEP mengalu-alukan pembabitan semua pihak termasuk persatuan pelajar dan pengerus institusi pengajian tinggi (IPT) bersama menggalakkan pembabitan sukarelawan dalam program ini," katanya.

Katanya, 1,200 pelajar PMS menerima sumbangan bantuan Program Food Bank Siswa sepanjang pengajian mereka menerusi konsep *Food Pantry*.

Melampau! Jual air kosong RM1 segelas

KPDNHEP keluar 12 notis ke atas peniaga premis makanan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan sebanyak 12 notis ke atas peniaga premis makanan berikutan menjual air kosong dengan harga tidak munasabah.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, tindakan itu diambil menerusi Ops Catut 8.0 (Air Kosong) dalam operasi dijalankan sejak 7 April lalu berikutan rungutan orang ramai berhubung caj air kosong yang tinggi.

Katanya, setakat 8 April, hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa premis menjual air kosong dengan harga tinggi sehingga RM1 segelas.



KPDNHEP mengeluarkan 12 notis ke atas peniaga premis makanan dalam Ops Catut 8.0 di Selangor bermula Rabu lalu.

“Melihat trend harga yang terlalu tinggi itu, KPDNHEP Selangor mengeluarkan 12 notis terhadap peniaga bagi mendapatkan perincian harga jualan dan kos barangan untuk tindakan lanjut.

“Peniaga terbabit diberi tempoh selama dua hingga lima hari bekerja untuk membekalkan maklumat yang diarahkan,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, pihaknya akan melihat sama ada berlaku-

nya manipulasi harga atau unsur pengambilan keuntungan yang tidak munasabah oleh peniaga terbabit.

Katanya, peniaga terbabit boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Saya beri amaran kepada mana-mana peniaga makanan dan minuman di negeri ini supaya tidak mengambil kesempatan ke atas pengguna dengan mengambil keuntungan yang tidak munasabah,” ujar beliau.

Hotel, restoran tiada sijil halal dilarang buat promosi

KUANTAN - Hotel dan premis makanan di negeri ini yang tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia dilarang mempromosikan atau mengiklankan bufet Ramadan mereka kepada awam.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Adnan Mamat berkata, larangan berkenaan termasuk promosi atau iklan dalam media massa, media sosial, risalah bercetak, poster, kain rentang dan papan iklan.

Beliau berkata, hanya premis makanan yang mendapat pengesahan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri sahaja dibenarkan berbuat demikian.

Menurutnya, premis tidak mempunyai sijil halal juga dilarang menggunakan ungkapan seperti bufet Ramadan, Iftar Ramadan, jom berbuka bersama, selera Ramadan atau sebarang frasa yang merujuk kepada makanan untuk

umat Islam berbuka puasa.

"Bagi mana-mana pihak yang ingkar, tindakan boleh diambil di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takarif Halal) dan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011,"

katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.

Adnan berkata, kehairahan pengusaha hotel dan premis makanan mempromosi juadah berbuka melalui bufet Ramadan secara sewenang-wenangnya boleh mengelirukan umat Islam.

"Bahagian Pengurusan Halal JAIP akan memantau perkara ini. Sekiranya ada premis melakukan kesalahan itu, kita akan rujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tindakan lanjut," katanya.



ADNAN

Beliau berkata, sebelum ini terdapat premis ingkar larangan tersebut dan mereka diberi amaran agar menghentikan serta-merta termasuk diarah menurunkan iklan dipasang.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sehingga 8

April 2021, terdapat 55 premis hotel yang mendapat pengesahan sijil halal di negeri ini iaitu 26 di Kuantan, Bentong (10), Cameron Highlands (6), Rompin (3), Temerloh (3), Lipis, Raub, Jerantut (2) dan Pekan (1).

"Kita selalu mengingatkan premis makanan di negeri ini supaya mendapatkan sijil halal terlebih dahulu sebelum mereka mempromosi juadah berbuka puasa sepanjang Ramadan.

"Tanggapan proses mendapatkan sijil halal ini susah hanya sekadar persepsi, sedangkan kita sentiasa membantu mereka yang memohon untuk pengesahan itu," katanya.

BUFET
RAMADAN

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM5.99
• Daging Lembu Tempatan	RM35
• Daging Lembu Import	RM18.90
• Telur Gred A	RM9.99
• Ikan Kembung	RM10.90
• Minyak Masak	RM5.30
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.89
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM5.90
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Tepung Gandum	RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

10 APRIL 2021 (SABTU)

'MyCC not protecting consumers' interest'

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) was taken to task for failing to protect the interest of consumers, especially when it came to the price of food items. Federation of Malaysian Consumers Association secretary-general Paul Selvaraj said despite market reviews published in 2019 confirming market price manipulation and distortions, consumers remained at the mercy of exorbitant price hikes. "In their food sector market review, MyCC confirmed that one of the key reasons for high food prices was price distortions and manipulations in the food supply chain by middlemen, multiple intermediaries and of Approved Permits.